

# RM400 juta atasi masalah banjir

Kerajaan negeri rangka beberapa perancangan jangka masa panjang melibatkan 43 projek di Selangor

**SHAH ALAM** - Perancangan jangka masa panjang yang dibuat kerajaan negeri dijangka dapat menyelesaikan masalah banjir di beberapa kawasan kritikal menjelang 2017.

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd Talib berkata, projek-projek yang sedang dijalankan dan dirancang dijangka siap pada 2017.

"Ia dapat menyelesaikan sebahagian besar masalah banjir di tempat-tempat kritikal seperti



**“Terdapat 37 projek sambungan RMK-10 tebatan banjir yang sedang dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan caruman parit semasa dengan kos keseluruhan kira-kira RM121 juta melibatkan 13 kawasan banjir yang serius.” - Zaidy**

Sungai Jeluh, Kajang; Sungai Binjai di Hamzah Alang Meru; Sungai Rasah, Klang dan lain-lain tempat.

“Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor telah melantik 41 perunding dan 37 juruukur. Ia

melibatkan kos yuran perkhidmatan sebanyak RM24.9 juta bagi perkhidmatan perunding manakala RM5.9 juta bagi perkhidmatan juruukur.

“Tujuannya adalah untuk menyediakan reka bentuk terperinci dan kerja ukur bagi keperluan 43 projek tebatan banjir yang diluluskan untuk program tebatan banjir RMK-11 yang mula dilaksanakan pertengahan 2016,” katanya.

Menurutnya, dengan terlaksananya projek ini, masalah banjir di kawasan kritikal dapat diselesaikan lebih 60 hingga 80

peratus.

“Anggaran kos keseluruhan bagi pelaksanaan projek ini adalah hampir RM400 juta merangkumi 43 projek di seluruh Selangor.

“Terdapat 37 projek sambungan RMK-10 tebatan banjir yang sedang dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan caruman parit semasa dengan kos keseluruhan kira-kira RM121 juta melibatkan 13 kawasan banjir yang serius,” katanya ketika menjawab pertanyaan daripada Adun Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias.